

SOALAN NO: 321

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah graduan ahli farmasi dan doktor setiap tahun dari tahun 2010 sehingga 2016. Bilakah hak dispensari hanya untuk ahli farmasi akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik graduan farmasi telah menunjukkan peningkatan sebanyak 60.6% pada tahun 2015 iaitu 1,486 berbanding 925 pada tahun 2010. Manakala bagi graduan perubatan pula, peningkatan adalah sebanyak 27.3% pada tahun 2015 iaitu 4,140 berbanding 3,252 pada tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

SOALAN : NO. 322

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan bilakah Sibu akan mempunyai universiti awam. Adakah ia dalam rancangan pihak Kerajaan, untuk mengatasi kekurangan pekerja yang berkemahiran tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Universiti Awam (UA) adalah mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Kerajaan sedang menumpukan usaha ke arah memperkasakan UA, Politeknik dan Kolej Komuniti sedia ada di Sarawak seperti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA Sarawak, Politeknik Kuching, Politeknik Mukah, Politeknik Metro Betong, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Betong, Kolej Komuniti Santubong, Kolej Komuniti Miri dan Kolej Komuniti Sarikei. Pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan cawangan UA baharu di Sibu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING
CHAI YEW [SIBU]**

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah segala peruntukan pembangunan kepada kawasan P.212 Sibu, pada tahun 2008 sehingga 2016, senaraikan mengikut tahun.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan pembangunan bagi Parlimen Sibu untuk tempoh 2008 hingga 2016 adalah sebanyak RM741 juta.

Sekian. Terima kasih.